



18 OCT, 2019

Diskriminasi terhadap pencari kerja akan diambil tindakan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Diskriminasi terhadap pencari kerja akan diambil tindakan

PUTRAJAYA: Kerajaan tetap mengambil tindakan sekiranya wujud diskriminasi oleh majikan terhadap pemohon kerja walaupun tiada peruntukan undang-undang khusus yang melindungi golongan itu, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mahfuz Omar.

Beliau berkata, Akta Kerja 1955 sedia ada lebih menjurus menjaga kepentingan mereka yang telah be-

kerja dan pencari kerja pula belum termasuk dalam skim pekerjaan.

Mahfuz berkata, walaupun terdapat pihak menyatakan kebimbangan mengenai diskriminasi terhadap pencari kerja namun Kementerian itu tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung perkara tersebut.

Namun katanya, pencari kerja yang melalui pengalaman didiskriminasi boleh membuat aduan ke-

pada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk siasatan.

"Majikan berkenaan akan ditegur supaya mengelak daripada melakukan perbuatan tersebut," katanya ketika ditanya pemberita mengenai langkah untuk melindungi pencari kerja, selepas menghadiri majlis minggu bahasa peringkat Kementerian Sumber Manusia di sini semalam.

Mengambil contoh, tindakan terhadap sebuah syarikat di Sungai Petani, Kedah yang mengiklankan hanya mencari pekerja yang fasih berbahasa Mandarin, Mahfuz berkata kecuaiannya membuat iklan sedemikian telah memberi persepsi majikan bersifat perkauman.

Walaupun tiada aduan rasmi, pihaknya telah menghubungi majikan terbabit dan dimaklumkan

bahawa syarikat berkenaan, yang majoritinya pekerja Melayu, memerlukan pekerja yang fasih berbahasa Mandarin atas faktor keperluan perniagaan, katanya.

"Kecuaiannya membuat iklan yang tidak cermat telah menimbulkan salah tafsir umum tetapi setelah diberi nasihat, syarikat tersebut memohon maaf atas kesilapan yang berlaku," katanya. – Bernama



18 OCT, 2019

Diskriminasi terhadap pencari kerja akan diambil tindakan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Kerajaan tetap mengambil tindakan sekiranya wujud diskriminasi oleh majikan terhadap pemohon kerja walaupun tiada peruntukan undang-undang khusus yang melindungi golongan itu, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mahfuz Omar. Beliau berkata, Akta Kerja 1955 sedia ada lebih menjurus menjaga kepentingan mereka yang telah bekerja

dan pencari kerja pula belum termasuk dalam skim pekerjaan.